


KUANTAN: Anak syarikat Universiti Malaysia Pahang (UMP), UMP Holdings Sdn Bhd (UMPH) dan Pusat Pengajian Berterusan dan Pembangunan Profesional (CENFED) buat julung kalinya menganjurkan majlis makan malam sebagai tanda penghargaan kepada warga universiti itu.

Pengerusinya, Datuk Seri Abdul Aziz Abdul Rahman, berkata pihaknya menghargai kerjasama pengurusan UMP pensyarah dan pakar runding yang banyak memberi sumbangan dalam perkembangan aktiviti syarikat.

Malah, katanya, UMP juga menghargai sokongan agensi kerajaan yang membantu membiayai pelbagai program CENFED terutama Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malay-

UMPH, CENFED rai warga universiti

BH (Wilayah) Selasa 14/12/2012



ABDUL AZIZ (dua dari kiri) menyampaikan replika cek kepada **Dr Daing Nasir** pada Majlis Makan Malam di UMP Kampus Gambang.

sia (SME Corporation).

"Pembelian beberapa lot tanah di kampus Gambang berkeluasan 240,000 meter persegi dengan pembiayaan Affin Islamic Bank Berhad

membolehkan UMP menyediakan prasarana lebih baik bagi menggalakkan aktiviti pembelajaran dan pengajaran (P&P).

"Hasil sewaan kemuda-

han seperti dewan kompleks sukan, makmal analisis, dewan kuliah dan tanah di sini juga menjana pendapatan syarikat," katanya ketika berucap pada majlis makan

malam di UMP Kampus Gambang di sini, kelmarin.

Turut hadir, Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim; Ketua Pegawai Eksekutif UMPH, Mohd Nazri

Musir dan Pemangku Pengarah CENFED, Jamil Basri.

Majlis itu turut menyaksikan penyerahan sumbangan caj pengurusan CENFED bernilai RM1 juta dan UMPH berjumlah RM85,690 kepada UMP yang disampaikan Abdul Aziz kepada Daing Nasir.

Abdul Aziz berkata, UMPH berjaya melahirkan anak syarikatnya iaitu UMP Green Technology Sdn Bhd yang dijangka bakal menjana pendapatan syarikat sehingga RM2.1 juta, tahun depan.

Beliau berkata, pertambahan beberapa projek perundingan dan khidmat teknikal membabitkan kerjasama fakulti dan syarikat industri turut menyumbang pendapatan sehingga RM300,000 bagi tahun ini.

"Justeru, syarikat mensasarkan lebih banyak program membabitkan bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat akan diadakan dengan sasaran pendapatan melebihi RM4 juta, tahun depan," katanya.

AINAL MARHATON ABDUL GHANI BERITA HARIAN